

03/06/1999

Masyarakat India tidak rela dipergunakan

KUALA LUMPUR, Rabu - Masyarakat keturunan India tidak akan terpedaya dengan langkah Pas membenarkan bukan Islam menjadi anggota bersekutunya dan tidak mahu dipergunakan parti pembangkang itu untuk memenangi pilihan raya akan datang.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata masyarakat bukan Islam di negara ini tidak akan menerima jemputan Pas kerana parti pembangkang itu tidak mempunyai dasar yang jelas.

"Masyarakat menjadi keliru kerana dalam tempoh dua atau tiga bulan ini, parti itu sudah membuat beberapa pengumuman yang berbeza-beza.

"Oleh itu, masyarakat lebih suka untuk terus menyokong BN yang sudah memerintah negara ini selama 43 tahun. Tiada siapa yang akan menyertai Pas," katanya selepas meraikan duta serta pesuruhjaya tinggi luar negara di sini hari ini bagi mempromosikan Kongres Jalan Raya Dunia Ke-21, pada Oktober depan.

Selain itu, Samy Vellu berkata, pada kebiasaan masyarakat bukan Islam sudah mengetahui tujuan Pas dan tiada siapa yang akan menyertai parti itu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah Pas membenarkan masyarakat bukan Islam di negara ini menjadi ahli bersekutu parti itu dalam muktamarnya baru-baru ini.

Tindakan Pas itu menimbulkan kritikan daripada pelbagai parti di negara ini, termasuk sekutunya, DAP yang jelas menolak Pas kerana dasar parti itu berbeza dengan DAP.

Samy Vellu berkata, langkah Pas mahu menjadikan penduduk bukan Islam sebagai ahli bersekutu menunjukkan parti itu mahu mempergunakan mereka untuk menang dalam pilihan raya akan datang.

Mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, yang enggan bekerjasama barisan pembangkang termasuk Pas dan KeAdilan, Samy Vellu mengucapkan tahniah kepada parti pembangkang itu kerana benar-benar memahami tujuan sebenar KeADILan.

"Politik KeADILan hanya untuk mengeluarkan tuduhan dan fitnah semata-mata dan bukannya untuk membawa kebaikan kepada rakyat negara ini.

"Ia hanya sebuah parti yang hanya suka mengeluarkan kenyataan untuk memburukkan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Oleh itu saya percaya DAP membuat ketetapan yang baik sebelum pilihan raya berjalan," katanya.

(END)